

17/05/1999

Kementerian kesan 4,600 kes baru pembawa HIV

PETALING JAYA, Ahad - Kementerian Kesihatan mengesan lebih 4,600 kes baru pembawa HIV dengan purata 13 orang dijangkiti virus itu setiap hari berbanding 10 kes sebelum ini, tahun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata daripada jumlah itu 875 orang disahkan menghidap Aids dan 689 orang mati akibat penyakit itu bagi tempoh yang sama berbanding 473 orang pada 1997.

Menurutnya, kebanyakan kes baru HIV dikesan membabitkan penagih dadah iaitu kira-kira 78 peratus dan jumlah itu mungkin berkurangan sekiranya tidak ada peningkatan penagih dadah baru di negara ini.

Katanya, sehingga kini seramai 28,541 kes HIV dilaporkan sejak 1986, dengan 1,811 kematian yang membabitkan banyak faktor termasuk hubungan sejenis, perpindahan darah dan penagihan dadah.

Mengenai kos rawatan yang tinggi bagi penyakit HIV dan Aids, Chua berkata pihaknya sedang mengadakan perbincangan dengan syarikat multinasional yang membekal ubat itu untuk mengeluarkan ubat berkenaan di negara ini.

Menurutnya, melalui langkah itu ia dapat mengurangkan kos rawatan yang dianggarkan lebih RM1,000 sebulan kerana kebanyakan ubat terpaksa diimport.

"Pada masa kini, kerajaan hanya memberi bantuan kepada pesakit dengan menawarkan dua kaedah iaitu menggunakan rawatan AZT, yang membabitkan kos RM550 sebulan atau DDI (RM350 sebulan) manakala bagi rawatan lain pesakit perlu membeli sendiri," katanya selepas merasmikan Hari Memperingati Aids Sedunia ke 16 bertema 'Membina Perpaduan Sejagat Menentang Ketidakadilan dan Ketakutan Untuk Dunia Tanpa Aids' di sebuah pusat beli-belah di sini, hari ini.

Chua juga meminta masyarakat tidak bersikap diskriminasi terhadap pesakit Aids atau yang dijangkiti HIV tetapi memberi peluang golongan itu meneruskan kehidupan seharian.

Beliau berkata, dalam menangani masalah itu, sokongan masyarakat diperlukan termasuk memberi bimbingan dan harapan kepada mangsa supaya diri mereka tidak tersisih.

Menurutnya, pendedahan mengenai tindakan diskriminasi itu secara tidak langsung akan mewujudkan kesedaran dan mendidik masyarakat untuk menjauhi gejala tidak sihat yang boleh menjurus kepada risiko jangkitan.

Katanya, jika mangsa Aids didapati diberi layanan tidak adil atau akibat diskriminasi, mereka boleh mengambil tindakan dengan membawa perkara itu ke mahkamah.

Contohnya, doktor yang didapati mendedahkan identiti mangsa boleh dikenakan tindakan oleh Majlis Perubatan Malaysia.

Selain itu, mangsa yang menjadi pembawa virus itu tidak boleh mengambil sikap berdiam diri sebaliknya boleh mengelakkan penyakitnya daripada menjangkiti orang lain.

"HIV boleh merebak secara senyap jika tidak dicegah melalui pendidikan dan kesedaran masyarakat. Walaupun tahap kesedaran orang ramai mengenai bahaya penyakit ini tinggi tetapi masih ramai mengabaikan risiko yang bakal ditanggung.

"Antara langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan jumlah kes HIV dan AIDS ialah tidak melakukan tindakan diskriminasi terhadap mereka yang dijangkiti penyakit itu," katanya.

Sementara itu, Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina

Mahathir berkata, adalah sukar untuk mengesan kes membabitkan mangsa yang didiskriminasikan oleh majikan kerana ada antara mangsa tidak mahu membuat laporan.

Bagaimanapun, pihaknya sedang berusaha mengumpul kes terbabit untuk diserahkan kepada kerajaan bagi tindakan lanjut. Kebanyakan kes aduan membabitkan mereka yang mendapatkan rawatan selepas bertemu dengan doktor.

"Hakim dan peguam perlu diberi penjelasan terlebih dulu. Malaysia mungkin boleh mencontohi sistem kehakiman India yang membenarkan mangsa HIV atau Aids memberi kenyataan di mahkamah dengan bukti nyata tanpa mendedahkan identiti mangsa," katanya.

Dalam majlis itu seramai 31 syarikat dan pertubuhan bukan kerajaan memberi komitmen dan berikrar terhadap Piagam Aids Malaysi yang menggariskan hak dan tanggungjawab yang dikonsi bersama semua masyarakat untuk mengurangkan kesan negatif HIV dan Aids kepada negara.

(END)